

PERGESERAN PAS-UMNO 'BOLEH SELESAI'

'Yang Berhormat' bukan tugas utama

KUALA LUMPUR, Sabtu — Setiap ahli UMNO digesa sentiasa sedar tentang sikap, nilai dan kewibawaan masing-masing serta bersedia berkorban untuk mencapai matlamat bersama.

"Nilai, sikap, keperibadian, kemahiran, pengetahuan dan kebolehan ahli secara langsung akan mewarnakan taraf, imej dan prestasi parti," kata Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia, Puan Marina Yusof, di perjumpaan silatul rahim, Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Kampung Kerinchi, malam ini.

Kita hendaklah bertindak, katanya, dengan penuh yakin dan menumpukan sepenuh minat kepada dasar yang digubal melalui kerajinan yang memerintah. Bagaimanapun, menurutnya, dalam melaksanakan tanggungjawab, "baik saya dan lebih-lebih lagi pemimpin, akan sentiasa berhadapan dengan berbagai jenis ansir buruk, tidak sihat dan tidak diingini."

Beliau menisfatkan ansir tersebut adalah amalan rasuah, penyelewengan dan menyalahgunakan kuasa.

Dengan itu, katanya, UMNO sebagai parti Islam terbesar, seluruh ahlinya mestilah jujur, ikhlas, yakin kepada diri, sensitif kepada alam sekitar, berinisiatif dan sedia berkorban.

"Kita tidak mahu, UMNO dalam memasuki gerbang tahun 80-an mempunyai ahli dan pemimpin yang rasuah, menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa. Kita juga, tidak mahu melihat di antara pemimpin kita, baik dalam apa peringkat, sanggup menabur wang sekekar mahu mengekalkan kedudukan," katanya.

Pemimpin seumpama itu, katanya, tidak wajar disokong dan diberikan kesempatan kepadanya untuk terus memimpin.

Beliau percaya, hal tersebut tetap berlaku di saat menjelang pilihanraya dan pemilihan ketua cawangan, bahagian dan sebagainya.

Beliau berpendapat, jika ia terusan berlaku, ada yang tidak terpilih akan merajuk dan sanggup pula meninggalkan parti. Bukan itu saja, malah "ada yang bersedia untuk bertanding sebagai calon bebas, menentang rakannya sendiri dalam parti."

Puan Marina yakin, UMNO pimpinan sekarang tidak bersedia mempunyai ahli yang "lekas merajuk, tidak sabar, cepat hendak ke atas, mementingkan wang ringgit hingga sanggup belot dan mengutamakan kepentingan pribadi dari parti."

"Jika ada yang layak untuk jadi calon Barisan dalam pilihanraya akan datang, tetapi tidak terpilih di saat akhir, janganlah merajuk hingga sanggup bakar kelambu kerana seekor nyamuk,"

katanya.

Tugas utama dalam parti, katanya, bukanlah gelaran "Yang Berhormat".

"Saya masuk UMNO untuk berkhidmat kepadanya, kepada negara saya, bangsa dan agama. Saya tidak berkecil hati jika tidak diambil bertanding. Tetapi, jika tenaga dan kebolehan saya diperlukan, saya bersedia memperhambakan diri," katanya.

Meyentuh kedudukan PAS, Puan Marina berkata, secara berjenaka mengibaratkan PAS sebagai isteri dan UMNO

sebagai suami. "PAS sekarang isteri yang diceraikan oleh suaminya. Tentulah dia marah-marah, tidak puas hati dan cuba membujuk-bujuk suaminya."

"Saya yakin, PAS tidak akan masam muka dan marah-marah lagi sekiranya UMNO merujuknya."

Baginya, salah faham dan pergeseran PAS-UMNO hanya sebagai krisis rumah tangga yang lambat laun boleh diselesaikan dan akan berantam semula.

"Air dicincang tidak akan putus," tegasnya.



PUAN MARINA YUSOF

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia